

Sultan Kelantan UM - 9 MAR 1993 cemarkan raja-raja

P

KUALA LUMPUR 8 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad

berkata, Sultan Kelantan bukan sahaja tidak menghormati Kerajaan Pusat dalam isu pindaan perlembagaan, tetapi juga raja-raja lain.

Perdana Menteri berkata, Sultan Kelantan juga menjatuhkan maruah raja-raja lain apabila baginda secara aktif dan terbuka berkempen bagi pihak parti bapa saudaranya pada Pilihan Raya Umum 1990.

Beliau menyifatkan tindakan Sultan Kelantan itu sebagai membuka *a can of worms*.

"Malangnya bau busuk yang keluar terlekat juga kepada raja-raja lain. Bak kata pepatah Melayu, Keranaseekor kerbau membawa lumpur. habis se-

muanya terpalit," kata Perdana Menteri ketika berucap membahaskan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 di Dewan Rakyat hari ini.

Menurutnya, perilaku Sultan Kelantan memihak kepada bapa saudaranya pada Pilihan Raya Umum 1990 telah menimbulkan kemarahan rakyat yang mula mengkritik raja secara terbuka dan tanpa segan-silu.

Katanya, rakyat tidak dapat menerima bukan sahaja perbuatan membelakangkan larangan berpolitik oleh raja, tetapi juga percubaan untuk menaikkan keluarga sendiri ke jawatan tinggi — satu jenis nepotisme yang amat berbau feodal dan

LIHAT MUKA 2

Sultan Kelantan cemarkan raja-raja

anti demokrasi

U.M. - 9 MAR 1993

"Kerana Raja Kelantan, adat resam dan ketakutan rakyat kepada undang-undang telah hilang maka apabila berlaku kes Gomez, rakyat membuat teguran dan kritikan terhadap raja dengan lantang.

"Sepatutnya, Raja Kelantan sedar dan insaf akan hasil dan kesan penglibatannya dalam politik parti keluarganya tetapi nampaknya Raja Kelantan tidak sedar dan tidak insaf.

"Sekarang dalam usahanya untuk menolak pindaan yang telah dipersetujui oleh raja-raja, Raja Kelantan telah antara lain mendakwa bahawa persidangan Dewan yang mulia ini semasa membahaskan pindaan perlembagaan pada 18 Januari lalu adalah tidak sah. Raja Kelantan mendakwa pula bahawa persidangan ini pun tidak sah," tegas Dr. Mahathir.

Beliau lalu menimbulkan pertanyaan bahawa jika Dewan Rakyat didakwa tidak sah oleh Sultan Kelantan dalam uahha baginda untuk menolak pindaan perlembagaan yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja, Dewan ini juga boleh mendakwa dengan sebab-sebab yang berasas bahawa mungkin perlantikan Sultan Ismail Petra sebagai Raja Kelantan juga tidak sah.

Kata Perdana Menteri, kerajaan tidak ada niat jahat terhadap Raja Kelantan tetapi gerak-geri Raja Kelantan dalam isu pindaan perlembagaan ini amatlah tidak menyenangkan.

Dalam hubungan ini, katanya, bukan sahaja Kerajaan Pusat tidak dihormati tetapi raja-raja lain juga tidak dihormati.

Dr. Mahathir bertanya, jika setelah bermesyuarat secara teratur, Majlis Raja-Raja tidak memegang kepada keputusan yang dihuat, siapakah yang akan menghormati mesyuarat Majlis Raja-Raja atau majlis itu atau raja-raja?

"Saya tidak ingin meramalkan kesan yang akan menyuaili kehilangan kepercayaan dan kehormatan kepada Majlis Raja-Raja dan institusi raja kerana perbuatan Raja Kelantan," kata Dr. Mahathir.

Rang undang-undang ini pertama kalinya dibentangkan pada 18 Januari lalu bertujuan untuk menghapuskan imuniti raja-raja bagi membolehkan mereka didakwa di Mahkamah Khas jika didapati salah laku.

Bagaimanapun, Majlis Raja-Raja yang bersidang pada 11 Februari telah bersetuju untuk menerima pindaan tersebut dengan beberapa pengubahsuaian yang menurut Perdana Menteri tidak menjejaskan sama sekali tujuan utama pindaan ini.

Dalam ucapan ringkasnya setebal sembilan muka surat itu, Dr. Mahathir juga menyindir parti Semangat 46 kerana sifat pengecut mereka yang enggan berhadapan dengan krisis ini.

Beliau menyifatkan tindakan Semangat 46 memboikot persidangan ini adalah kerana mereka tidak mahu menghadapi kekalahan.

Katanya: "Ada pihak yang cuba menggambarkan apa yang sedang dihadapi sekarang adalah hasil tekanan ala Mac-Michael ke atas raja-raja.

"Orang yang ke sana sini berkata demikian sebenarnya adalah orang yang kecewa kerana segala usaha mereka tidak mendatangkan hasil.

"Mereka ingin menggunakan isu ini untuk mencapai kepentingan politik mereka tetapi mereka tidak fikir akan salah laku raja terhadap rakyat.

"Saya harap mereka yang tidak ada tempat dalam politik negara ini menghentikan perbuatan tersebut...kalau dah tak laku saya rasa tak usahlah nak jual diri lagi.

"Ini tidak bila nampak nak kalah...takut nak berhadapan dengan Parlimen sebab itulah tak seorang pun ahli mereka hadir hari ini.

"Inilah cara orang yang pengecut yang tak mahu berhadapan dengan kekalahan...dalam politik kena terimalah hakikat ini...ada kalanya menang ada kalanya kalah. Ini kalau kalah tak mahu terima keputusan kalau menang baru terima...inilah yang menjadi masalah." ujar Dr. Mahathir.